



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 06/2025



ADAT DAN BUDAYA DALAM PERAYAAN ISLAM

06 JUN 2025 | 09 ZULHIJJAH 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِيهِ

اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

آمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Esok kita akan merayakan Hari Raya Aidiladha atau hari raya qurban yang merupakan perayaan kedua selepas Aidilfitri. Masyarakat kita menjadikan kedua hari raya ini sebagai hari kegembiraan yang disambut dan diraikan bersama. Perayaan yang sebenarnya bukan hanya sekadar adat yang dipenuhi dengan kegembiraan, makanan dan bermaafan sahaja, bahkan ia adalah hari untuk mempereratkan silaturrahim, memperkuat hubungan sesama Islam dan menzahirkan rasa syukur atas nikmat dan rahmat daripada Allah Taala.



Ibadat dan adat dalam menyambut Hari Raya adalah sangat indah dan penuh hikmah. Namun, terkadang kita terlupa adakah adat ini dibenarkan atau sebaliknya. Antara adat dan adab yang harus kita pelihara adalah:

1. Adat bersalam-salaman

Bersalaman di Hari Raya adalah tanda memohon kemaafan dan mempereratkan ukhuwah, perlu diingatkan bahawa bersalaman hanya dibenarkan sesama mahram dan sesama jantina sahaja. Elakkan daripada bersalaman dengan bukan mahram dan berlainan jantina walaupun atas nama "bermaafan". Amalan bersalaman ini sangat mulia seperti sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Ahmad:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَلْتَقِيَانِ، فَيَتَصَافَّهُانِ، إِلَّا عُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَتَفَرَّقَا

Yang bermaksud: “Tidaklah ada dua orang muslim itu apabila bertemu, lalu bersalamanan, melainkan akan diampunkan dosa keduanya sebelum mereka berpisah.”

2. Adab menziarahi

Ketika perayaan Aidilfitri, ziarah menziarahi sesama kita adalah amalan yang sangat mulia terutamanya saudara mara, jiran tetangga dan sahabat handai. Namun, Islam mengajar kita adat dan adab dalam menziarahi. Antaranya ialah pilih waktu yang sesuai dan janganlah menziarahi waktu rehat atau waktu solat, begitu juga elakkan menziarahi pada tempoh yang telalu lama sehingga menyusahkan tuan rumah.

Demikian juga pastikanlah pakaian dan pergaulan yang sopan serta menjaga batas aurat dan adab Islam. Pada masa yang sama jangan memaksa seseorang untuk datang menziarahi, dan jangan tersinggung jika tidak dilayan sebagaimana yang dijangka. Firman Allah Taala dalam surah an-Nur ayat 27:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيوْتًا غَيْرَ بُيوْتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوْا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا



ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٧﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu).”

3. Bersederhana Dalam Sambutan

Islam mengajar kita kesederhanaan dalam makan minum, pakaian, dan perbelanjaan. Elakkan berhutang untuk kelihatan hebat dan jauhi pembaziran. Firman Allah Taala dalam surah al-Isra ayat 27:

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَنِ وَكَانَ الشَّيْطَنُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٦٧﴾

Yang bermaksud : “Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya.”

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Ibnu Majah:

كُلُوا، وَاشْرِبُوا، وَتَصَدَّقُوا، وَالْبَسُوا، غَيْرَ مَخِيلَة، وَلَا سَرْفٌ

Yang bermaksud: “Makanlah dan minumlah dan bersedekahlah dan berpakaianlah tanpa bermegah-megah dan tanpa berlebihan.”

Demikian juga Allah Taala melarang kita berhias berlebih-lebihan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud: “Dan janganlah kamu bertabarruj (berhias secara berlebihan) seperti orang Jahiliyyah dahulu.”



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Dua bulan yang lalu kita telah merayakan Aidilfitri sebagai meraikan kejayaan sebulan berpuasa. Namun, amat menyedihkan apabila dalam kemeriahinan raya, ramai dalam kalangan umat Islam sendiri yang telah membelanjakan ratusan hingga ribuan ringgit untuk membeli bunga api dan mercun, walhal ia bukanlah daripada budaya Islam, bahkan ia membawa kepada mudarat keselamatan, kecederaan, kebakaran, pembaziran wang dan mengganggu ketenteraman awam.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Ibnu Majah:

لَا ضَرَرَ وَ لَا ضَرَارٌ

Yang bermaksud: "Tidak boleh ada mudarat dan tidak boleh memudaratkan orang lain."

Tular juga di Aidilfitri yang lalu iaitu berjoget ketika menghulur duit raya. Bersedekah amat besar kelebihannya, tetapi kita bimbang dengan amalan yang dilakukan ini boleh menyebabkan kemurkaan Allah Taala. Kanak-kanak atau remaja dan yang berusia pun berjoget bersama dengan menularkan gaya masing-masing untuk dikongsikan di laman sosial mereka. Amalan ini membuka ruang kepada fitnah dan maksiat serta mengikis kemurnian ajaran Islam yang tidak menjadikan perbuatan meminta-minta sebagai budaya, apatah lagi melakukan joget sedemikian. Ingatlah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud: "Sesungguhnya kalian akan mengikut kelakuan umat yang terdahulu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga mereka masuk ke dalam lubang biawak pun nescaya kamu akan mengikutinya, kami bertanya kepada Rasulullah, apakah yang dimaksudkan ini orang Yahudi dan Nasrani? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: Siapa lagi kalau bukan mereka."

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Ta'ala,

Kesimpulan khutbah kita hari ini marilah kita menghindari budaya luar yang merosakkan budaya Islam yang sudah tertanam dalam adat budaya masyarakat Melayu. Amalkanlah budaya bersalaman, saling ziarah-menziarahi dan bersederhana sebagaimana dituntut oleh syariat Islam.



Elakkanlah perbuatan yang dilarang ketika merayakan perayaan Islam dengan menjauhi pembaziran, pergaulan bebas, berhias yang melampau dan lain-lain.

Ingatlah juga saudara seagama kita yang tidak bernasib baik khususnya kaum muslimin di Palestin, semoga Allah Taala memberi kekuatan kepada mereka dan menganugerahkan istiqamah dalam perjuangan mereka. Semoga mereka diberi kemenangan oleh Allah dalam membebaskan bumi Palestin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
لَا خَيْرٌ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نَجْوَتْهُمْ إِلَّا مَنْ أَمْرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ
وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ أُبْتَغِعَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَى هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.